UTAMA (/) MENGENAI KAMI (/MENGENAI_KAMI-1) BAKAL PELAJAR (/UPM/BAKAL_PELAJAR-10) PELAJAR SEMASA (/UPM/PELAJAR_SEMASA-11)
STAF (/UPM/STAF-13) ALUMNI (/UPM/ALUMNI-14) PETA LAMAN (/SITEMAP) MAKLUMBALAS (/MAKLUMBALAS)
Carian...
BM

Selamat Datang Ke Laman Portal
Universiti Putra Malaysia
(https://50tahun.upm.edu.my)

AKADEMIK (/akademik-15) PENYELIDIKAN (/penyelidikan-3) JARINGAN (/jaringan-16) ANTARABANGSA (/antarabangsa-2) PERKHIDMATAN (/perkhidmatan-19)
KEHIDUPAN KAMPUS (/kehidupan_kampus-18) PUTRA BAKTI (/putrabakti)

Entiti Kami
Dokumen
Newsletter
Tetapan

(/) » BERITA (/BERITA) » Pelajar PhD UPM Sertai Persidangan Antarabangsa Stockholm+50 di Sweden

Senarai Berita (/berita)

# Pelajar PhD UPM Sertai Persidangan Antarabangsa Stockholm+50 di Sweden

Oleh: Nurul Ezzaty Mohd Azhari



SERDANG, 8 Jun - Pelajar Ijazah Kedoktoran dalam bidang Biologi Molekul dan Kejuruteraan Genetik, Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Putra Malaysia (UPM), Mogesh Sababathy merupakan satu-satunya pelajar di Malaysia yang menyertai Stockholm+50 Youth Assembly dan Persidangan Antarabangsa Stockholm+50 di Sweden baru-baru ini.

Beliau yang merupakan salah seorang aktivis alam sekitar dan ahli kepada Official Youth Constituency of the United Nations Framework Convention on Climate Change (YOUNGO) berkata persidangan tersebut memberi peluang kepada perwakilan anak muda membincangkan isu-isu alam sekitar ke peringkat yang lebih tinggi.

"Sepanjang persidangan saya telah menyediakan persediaan dokumen Stockholm+50 Global Youth Policy Paper iaitu sebuah dokumen yang merangkumi hasrat dan tuntutan para belia kepada para pemimpin dunia untuk memperkukuhkan polisi berkaitan pengurusan alam sekitar dan mengambil tindakan yang pantas untuk menangani isu perubahan iklim di peringkat global mahupun nasional.

"Antara tuntutan utama yang ditekankan dalam dokumen ini termasuklah keperluan tindakan yang cekap dan pantas untuk memperkukuhkan strategi penambahbaikan kesihatan persekitaran dan alam sekitar, pemulihan yang mampan daripada COVID-19, pembangunan lestari dan proses mengambil keputusan yang lebih inklusif," katanya.




Tambah beliau, persidangan yang berlangsung selama empat hari bermula 31 Mei sehingga 3 Jun lepas memberinya satu bentuk pandangan yang positif apabila melihat kepada kesungguhan dan keterlibatan para belia sepanjang program ini berlangsung.

Selain dapat menambah pengetahuan mengenai isu-isu alam sekitar yang berlaku di negara dan rantau lain, beliau

LIHAT JUGA

Kembara Dakwah Al-Falah bantu pelajar asnaf di Pahang. (/berita/kembara_dakwah_al_falah_bantu_pelajar_asnaf_di_pahang-67721)

UPM TAWAR HARGA MAKANAN PATUT RM3.50 (/berita/upm_tawar_harga_makanan_patut_rm350-67672)

Alumni Pertanian 1972 imbau nostalgia kembali ke UPM (/berita/alumni_pertanian_1972_imbau_nostalgia_kembali_ke_upm-67671)

pertanyaan selanjutnya

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
+603-9769 1000
---
pspk@upm.edu.my (mailto:pspk@upm.edu.my)

W1VHTLAd:11:44

berpeluang untuk berkongsi pandangan dan pendapat khususnya mengenai cara penyelesaian masalah alam sekitar bersama wakil-wakil belia yang hadir.

"Saya berasa bersemangat, terharu dan inspirasi apabila berada bersama aktivis-aktivis belia daripada seluruh dunia yang mempunyai pelbagai idea bernas dan sanggup untuk turut bersama pemimpin-pemimpin dunia dalam usaha untuk mengatasi isu perubahan iklim.

"Pengalaman terlibat dalam persidangan antarabangsa ini adalah pengalaman yang tidak dapat saya lupakan lebih-lebih lagi apabila mendapat peluang untuk terlibat secara langsung dalam proses persidangan dan wacana yang diadakan bersama perwakilan-perwakilan negara daripada seluruh dunia," katanya.

Mogesh telah ditaja oleh United Nations Major Group for Children and Youth, sebuah organisasi yang secara rasminya diberi mandat oleh United Nations General Assembly bertindak sebagai jambatan antara anak muda dan sistem Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Beliau juga berharap agar penglibatannya itu menggalakkan lebih ramai belia untuk terlibat dalam usaha melindungi alam sekitar dan perubahan iklim di dalam dan luar negara. - UPM

Tarikh Input: 21/06/2022 | Kemaskini: 24/06/2022 | hairul_nizam

BM

Entiti Kami
Dokumen
Newsletter
Tetapan

**PERKONGSIAN MEDIA**

(https://www.addtoany.com/share#url=https%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fpelajar_phd_upm_sertai_persidangan_antarabangsa_stockholm%25252b50_di_sweden-67271&title=Pelajar%20PhD%20UPM%20Sertai%20Persidangan%20Antarabangsa%20Stockholm%2B50%20Di%20Sweden%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)
(/#facebook) (/#twitter) (/#linkedin) (/#email) (/#copy_link) (/#wordpress) (/#print)

**HUBUNGI KAMI**

**Universiti Putra Malaysia**
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

+603-9769 1000

---

pspk@upm.edu.my

TALIAN KECEMASAN
BAHAGIAN KESELAMATAN UPM
(24 JAM)
03-9769 7990 |
03-9769 7470 |
03-9769 1999

**PERKHIDMATAN DALAM TALIAN**

- Sistem Permohonan ke Luar Negara (http://bursar1.upm.edu.my/spln/)
- Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (http://www.sisman.upm.edu.my/)
- KM Portal (http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home)
- Jawatan Kosong (http://spj.upm.edu.my/)
- Sistem Baik Pulih ICT (http://zonict.upm.edu.my/)
- Putra Learning Hub (http://learninghub.upm.edu.my/)
- Sistem Pengurusan Perubatan (http://regmedic.upm.edu.my/)
- Sistem E-Claim (http://eclaims.upm.edu.my/login/)
- i-GIMS (staf) (http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp)
- i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/)
- Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup)

**PAUTAN LUAR**

- Kementerian Pendidikan Malaysia (https://www.moe.gov.my/)
- Keluarga Malaysia (https://keluargamalaysia.gov.my/)
- Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (http://www.ptptn.gov.my/)
- Multimedia Super Corridor (https://mdec.my/msc-malaysia/)
- Portal myGovernment (https://www.malaysia.gov.my/)
- Agensi Kelayakan Malaysia (https://www.mqa.gov.my/)

**PAUTAN PANTAS**

- FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)
- Statistik Transaksi Laman Web (http://www.upm.edu.my/statistik)
- Tender & Kontrak (http://etender.upm.edu.my/)
- Laporan Piagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/mengenai_kami/maklumat_korporat/piagam_pelanggan-8202)
- Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/mengenai_kami/dasar_universiti-5601)
- Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/spk_upm/)
- Dana Wakaf Ilmu (http://www.wazan.upm.edu.my)
- Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan_UPM-29859)
- UPM Flywire (https://landing-pages.flywire.com/landing/upm)
- Takwim UPM 2022 (https://pspk.upm.edu.my/upload/dokumen/20220307083100TAKWIM_UPM_2022_(KESELURUHAN).pdf)

(http://putra.upm.edu.my) (http://portal.upm.edu.my)
(http://www.pertanika.upm.edu.my) (http://www.learninghub.upm.edu.my)
(http://www.psasir.upm.edu.my/) (https://smp.upm.edu.my)
(http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/) (http://eclaims.upm.edu.my/login/)
(http://reg.upm.edu.my/eISO/) (http://emel.upm.edu.my)

Dasar Privasi (/footnote/dasar_privasi-29949) Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950) RSS (/rss) Penafian (/footnote/penafian-29938) Bantuan (/footnote/bantuan-29937) UPM online (/footnote/upm_online-38695) Dasar Keselamatan (/footnote/dasar_keselamatan-29939)

© 2022 Universiti Putra Malaysia

LANGGAN MELALUI EMAIL Emel anda HANTAR

W1VHTLAd:11:44